



Audit Bureau
of Circulations

MAJALAH KEKELUARGAAN NO.1

OKT 2013

SERI DEWI &

keluarga

Aspirasi Keluarga Bahagia™

sdkeluarga.karangkraf.com
PP3946/07/2013 (032559)

11 Langkah Demi Langkah
ms Jejari Kreatif

GARA-GARA
KELUARGA
BESAR,
YB NANCY
PERNAH IKAT
PERUT

6 PUNCA
PASANGAN
**FOBIA
SEKS**

"FARHAN,
JODOH ALLAH
UNTUK SAYA,"
**ABBY
ABADI**

**Salam
Aidiladha**
50 Idea
Fesyen &
Resipi

HIDAP
JANTUNG
BERLUBANG
SEJAK LAHIR
IBRAHIM HIDUP
BERGANTUNG
TABUNG
OKSIGEN

KELANA MEMBAWA BAHAGIA

Perit 15 Jam Perjalanan
**NAJIMAH TEMUI KEHIDUPAN
DI MADRASAH HASHIMIAH**

20 Tahun Di Bumi Malaysia
ABDUL GHANI KECAPI NIKMAT

HARGA RM6.50

ISSN 1675-0361



AWAS, RISIKO
KEGUGURAN KEMBAR

Pierre Andre & Yaya

RANCANG SOAL ANAK

Jodoh kedua-duanya bermula di laman sosial. Tanpa melihat wajah dan mendengar suara, hubungan yang terjalin hanyalah sekadar teman biasa. Pernah terputus seketika, namun bak kata pepatah kalau sudah jodoh tidak ke mana. Siapa sangka hubungan yang putus kembali bertaut pada Aidilfitri tahun lalu.

Hampir tiga bulan menjalin hubungan, anak kepada pelakon terkenal Khatijah Tan ini akhirnya sah bergelar suami dengan hanya sekali lafaz pada Jun yang lalu. Walaupun sibuk dengan sesi penggambaran, Pierre atau nama sebenarnya Mohd Pierre Andre bin Nazarul Andre bersama isteri tersayang masih sempat meluangkan masa mengadakan sesi fotografi baru-baru ini.

Bagi pelakon dan pengarah terkenal berusia 28 tahun ini, keserasian yang di cari pada seseorang wanita untuk dijadikan suri dalam hatinya ada dalam diri Siti Nurhidayah Hashim atau lebih mesra dengan panggilan Yaya.

“Jika dahulu saya selalu memasang impian seronok bertemu seseorang di panggung wayang atau tempat lain seperti yang dibayangkan dalam drama atau novel. Siapa sangka rupa-rupanya saya bakal bertemu jodoh menerusi laman sosial ‘facebook’. Waktu itu, kami sekadar kawan dan saya sendiri tidak mahu terus bercinta. Sebaliknya, saya jenis yang memilih dan dalam masa yang sama mahu melihat sama ada antara kami ada keserasian. Ini penting dalam membina hubungan supaya kekal lama.

“Namun saya mengenali Yaya lebih rapat dalam masa tiga bulan sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin. Sememangnya Yaya adalah jodoh yang telah Tuhan tetapkan untuk saya. Malah, ini satu amanah serta tanggung jawab cukup berat yang harus dipikul. Pun begitu, saya sudah bersedia dan insya-Allah saya mahu menjadi seorang suami yang baik dan mampu membimbing isteri ke jalan yang diredai Allah,” ulas Pierre yang kini lebih banyak menumpukan perhatian pada bidang pengarahannya berbanding lakonan.

SKEPTIKAL KERJAYA ISTERI

Ditanya mengenai kerjaya isterinya yang merupakan seorang model, akui pengarah filem *I'm Not Single* ini pada awalnya berasa ragu-ragu dan tidak berfikiran terbuka.





“Sememangnya saya agak skeptikal dengan gaya hidup seorang model. Jauh sekali mahu mencari isteri dalam bidang tersebut. Tetapi, jodoh itu bukan kita yang tetapkan. Segalanya berubah selepas mengenali Yaya dengan lebih rapat. Dari situ, saya cuba membuka minda dan melihat sendiri bagaimana kehidupannya. Biarpun bergelumang dalam kerjaya tersebut, namun Yaya seorang wanita yang serba sederhana. Dengan sifat dan kelembutan yang ada dalam diri Yaya membuatkan saya rasa dia sepatutnya bukan menjadi model, sebaliknya bekerja sebagai jururawat, guru atau kerjaya yang memerlukan keprihatinan dan perikemanusiaan.

“Tidak timbul soal dia cantik yang membuatkan saya memilih, tetapi kesederhanaan dan sikapnya jenis yang ringkas, prihatin dan pandai memasak membuatkan saya tertarik. Walaupun masih muda tetapi Yaya memiliki sifat matang dan penuh keibuan. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana doa saya tahun lepas supaya dipertemukan jodoh sudah dimakbulkan Tuhan. Apa lebih bermakna lagi, saya mendapat dua hidayah iaitu hidayah daripada Allah dan juga dia (Yaya). Dari situ timbul keyakinan untuk saya memilih Yaya untuk dijadikan suri dalam hidup saya,” ujar Pierre sambil mengakui isterinya itu lebih manja dan penyayang selepas berumah tangga.

TIDAK KONGKONG SUAMI
Sementara itu, Yaya mengakui persamaan

antara mereka dalam segala hal membolehkan hubungan mereka kian utuh.

“Walaupun mengenali Pierre sebagai orang seni, tetapi sebenarnya dia juga seperti orang lain. Keperibadian dan kehidupan yang dilalui tidak sama dengan orang lain. Bagi saya, dia cukup ‘low profile’, prihatin dan bertanggungjawab. Bahkan kami berkongsi banyak persamaan seperti suka makan, berjoging dan melepak di rumah jika tidak bekerja.

“Bohonglah jika tidak ada rasa cemburu melihat dia berlakon dengan wanita lain. Apatah lagi selepas dia bergelar suami kepada saya, namun saya tahu itu adalah sekadar lakonan. Lagipun sekarang dia tidak banyak berlakon kerana lebih menumpukan pada bidang pengarah. Kebetulan selepas berkahwin, dia mahukan saya sentiasa di sampingnya. Boleh dikatakan sekarang ini saya adalah pembantu peribadi kepada suami sendiri.

“Tidak bermakna saya mengongkong dia selepas berkahwin, tetapi Pierre tidak mahu timbul apa-apa masalah dan mengelakkan benda-benda negatif di kemudian hari. Soal kerjaya sebagai model tiada masalah kerana saya masih aktif tetapi bergantung kepada tawaran yang diberikan. Jika sesuai saya akan menerima,” jelas Yaya lagi.

Pasangan yang masih dalam mood berbulan madu ini tidak menolak andai dikurniakan zuriat dalam masa terdekat. Pierre memberitahu sedari



Tidak menolak andai dikurniakan zuriat dalam masa terdekat.

awal mereka tidak pernah meletakkan sebarang perancangan soal anak.

“Saya memang suka budak-budak, oleh sebab itu kalau boleh lagi ramai lagi seronok tetapi segalanya terserah pada kurniaan Ilahi. Apatah lagi, saya bukanlah dari keluarga yang besar. Malah, sejak dahulu lagi saya tinggal dengan keluarga. Selepas berkahwin, saya berbincang dengan Yaya dan dia setuju untuk tinggal bersama keluarga saya. Insyallah, jika ada rezeki dua tiga tahun lagi mungkin saya akan membina keluarga sendiri. Buat masa sekarang, saya mahu membina hubungan yang erat antara Yaya dan ibu saya. Pada saya keluarga sangat penting dan kasih sayang ini tidak boleh dibeli dengan wang ringgit,” ujar Pierre sebelum mengakhiri perbualan. **SDK**



Pasangan ini berkongsi banyak persamaan dan ia mengeratkan lagi kasih sayang.